

Hoki: Terengganu tetap hormati N. Sembilan

KETUA jurulatih skuad hoki lelaki Terengganu, Nik Rozemi Nik Mohamed tetap waspada dengan keupayaan Negeri Sembilan menjelang pertemuan kedua-dua pasukan pada aksi separuh akhir Sukan Malaysia (Sukma) 2014 di Kompleks Sukan Negeri, Kangar hari ini.

Rozemi mengakui Negeri Sembilan mempunyai kebolehan melancarkan serangan balas pantas seperti mana yang dipamerkan sepanjang aksi peringkat kumpulan sebelum ini.

Justeru, Rozemi memberikan peringatan kepada barisan pemainnya supaya tidak sesekali leka sekiranya mahu layak ke pentas final bagi mempertahankan pingat

emas yang diraih pada Sukma 2012 di Pahang.

“Seperti yang saya katakan, semua yang mara ke separuh akhir adalah pasukan yang hebat-hebat belaka. Saya percaya kami tidak akan mendapat laluan mudah daripada mereka (Negeri Sembilan) untuk mara ke pentas final (esok).

“Kekuatan Negeri Sembilan terletak pada serangan balas pantas mereka. Jadi saya akan atur perancangan bagaimana untuk menghalang perkara itu daripada terjadi dan saya tidak mahu anak-anak buah saya terutamanya pemain pertahanan leka,” katanya kepada Kosmo! semalam.

Begitupun, Rozemi tetap optimis skuad Hanelang itu mampu mara ke final dan berharap anak-anak buahnya dapat memanfaatkan setiap peluang terhidang pada perlawanan itu nanti.

“Matlamat kami sudah pasti mahu mengekalkan kejuaraan tetapi dalam saingan kalah mati ini, kami perlu lebih berhati-hati.

“Saya harap para pemain saya dapat sempurnakan setiap peluang yang dimiliki dengan baik. Jika kami dapat melakukannya, peluang untuk mara ke final adalah cerah.

“Jika sebaliknya berlaku, Negeri Sembilan pula yang mengambil peluang.”

- Kosmo - 2 Jun 2014 -